

PERSADA UMS bantu jayakan Jelajah IKTIRAF Felda

NST 25.10.2014 9

LAHAD DATU: Seramai 40 ahli Permuafakatan Siswa Siswi Felda (PERSADA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program Jelajah Ikatan Hati Warga Felda (IKTIRAF) anjuran Seranta Felda negeri Sabah dengan kerjasama Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Wilayah Sahabat baru-baru ini.

Menurut Pengerusi PERSADA UMS, Datu Rosman Datu Ahir Zaman, kesemua ahli yang terlibat telah bertindak sebagai sukarelawan sepanjang program itu yang berlangsung selama dua hari di Dewan Semai Bakti, De-

sa Kencana Felda Wilayah Sahabat Lahad Datu.

"Kita telah diberikan tanggungjawab untuk mengendalikankan beberapa slot termasuk sebuah slot yang mendapat sambutan menggalakkan iaitu slot Jom Hebat," katanya ketika ditemui media selepas majlis tersebut.

Beliau turut memberitahu, PERSADA UMS yang terdiri daripada anak-anak komuniti Felda turut dilantik sebagai sukarelawan Seranta melalui penyerahan watak lantikan yang disampaikan Timbalan Menteri di jabatan Perdana

Menteri, Dato' Razali Ibrahim.

"Sebagai tanda penghargaan dan taat setia, kesemua ahli PERSADA UMS yang hadir turut melafazkan ikrar sebagai sukarelawan Seranta," jelas pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, melahirkan rasa bangga dengan pelantikan tersebut.

Katanya, pihak universiti sentiasa menggalakkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti

kesurelawan yang dilihat sangat bermanfaat khususnya dalam meningkatkan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan siswa siswi.

"Ini sekali gus menyahut saranan kerajaan untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan membentuk modal insan yang berkualiti," tambahnya lagi.

Selain slot motivasi, PERSADA UMS turut terlibat dalam program Keluarga Angkat sepanjang Jelajah IKTIRAF berlangsung.



KENANGAN ... Razali (tengah) mengambil gambar kenangan bersama sukarelawan PERSADA UMS.



JAYAKAN ... PERSADA UMS Menjayakan Slot Hebat.